



Memperkukuhkan institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan ke arah melahirkan generasi keluarga yang berkualiti dan berperibadi mulia



Memperluas aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar



Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam perancangan pembangunan



Memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan



Pendigitalan perkhidmatan LPPKN



Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan



Kualiti & kapasiti sumber manusia



Rangkaian kerjasama strategik



Penjenamaan & penyebaran maklumat

# PELAN STRATEGIK

## LPPKN 2021-2025



# PELAN STRATEGIK

## LPPKN 2021 - 2025

Cetakan Pertama 2021

Hak Cipta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

NO. 12B, BANGUNAN LPPKN,

JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR

TEL : 603-2613 7555

FAX : 603-2693 7250

E-MEL : penduduk@lppkn.gov.my

# KANDUNGAN

## PELAN STRATEGIK LPPKN 2021 - 2025

### > PERUTUSAN

- YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 3
- Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4
- Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 5
- Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 6
- Ringkasan Eksekutif 8

### > LATAR BELAKANG LPPKN

- Visi Dan Misi 10
- Struktur Organisasi LPPKN 11
- Sejarah Penubuhan dan Evolusi LPPKN 12
- Mandat dan Fungsi 13
- Dasar dan Punca Kuasa 14
- Pencapaian dan Kemajuan LPPKN (2016-2020) 18

### > HALA TUJU PELAN STRATEGIK LPPKN (PSL) 2021 - 2025

- Analisis Persekitaran dan Cabaran 19
- Kerangka Strategik 21
- Teras Strategik dan Pemboleh Daya 22
- Ringkasan 23
- Langkah Strategik dan Pemboleh Daya 24

## PELAN TINDAKAN

|                                                                                                                                                                |    |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| • Teras 1 : Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor<br>kependudukan dalam perancangan pembangunan                                                       | 28 |
| • Teras 2 : Memperkukuhkan institusi keluarga yang sejahtera<br>dan berdaya tahan ke arah melahirkan generasi keluarga<br>yangberkualiti dan berperibadi mulia | 35 |
| • Teras 3 : Memperluas aksesibiliti khidmat sokongan keluarga<br>untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar                                                    | 44 |
| • Teras 4: Memantapkan tadbir urus organisasi untuk<br>meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan                                                         | 52 |
| • Pemboleh Daya 1 : Pendigitalan perkhidmatan LPPKN                                                                                                            | 59 |
| • Pemboleh Daya 2 : Kualiti dan kapasiti sumber manusia                                                                                                        | 63 |
| • Pemboleh Daya 3 : Penjenamaan dan penyebaran maklumat                                                                                                        | 69 |
| • Pemboleh Daya 4 : Rangkaian kerjasama strategik                                                                                                              | 73 |
| • Pemboleh Daya 5 : Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan                                                                                                       | 75 |
| Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian                                                                                                                | 77 |

# PERUTUSAN

YB MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH DAN SALAM KEKELUARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah berjaya menghasilkan Pelan Strategik LPPKN bagi tempoh 2021-2025. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas usaha memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan LPPKN supaya kekal relevan di sisi rakyat khususnya ketika kita semua mengadaptasi norma baharu dalam rutin seharian berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

Pelan Strategik ini dilihat sebagai dokumen penting bagi memacu pelaksanaan, pemantauan serta penilaian program yang dirancang untuk lima tahun akan datang.

Selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) yang mengangkat kepentingan inklusif khususnya bagi matlamat untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia menjelang tahun 2030, LPPKN memberi fokus kepada peningkatan positif indikator sosial seperti Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK). Institusi Keluarga dilihat sebagai teras modal sosial yang menjadi pemangkin kepada konsep kesepaduan, patriotisme dan semangat kekitaan atas acuan Keluarga Malaysia, di samping menjadi penyumbang utama modal insan bagi pertumbuhan ekonomi negara.

Saya percaya melalui pelaksanaan Pelan Strategik yang komprehensif dan holistik ini, memberi impak berganda kepada semua individu dan komuniti ke arah pembentukan keluarga sejahtera dan negara yang bermaruah. Besarlah harapan saya untuk melihat LPPKN terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cemerlang selaras dengan hala tuju LPPKN sebagai peneraju dalam pembentukan keluarga sejahtera menerusi peranan menasihati kerajaan dan juga penguatkuasaan dalam bidang pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan pelan strategik ini dan semoga dokumen ini dijadikan sebagai rujukan penting bagi LPPKN dalam memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar di negara ini.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**DATUK SERI RINA MOHD HARUN**

# PERUTUSAN

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT



BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH  
WABARAKATUH DAN SALAM KEKELUARGAAN

Pelan Strategik LPPKN 2021-2025 menggariskan hala tuju strategik organisasi untuk tempoh lima tahun akan datang. Selari dengan perubahan landskap sosial dan ekonomi negara, pembangunan pelan Hala Tuju yang baru bertepatan bagi memastikan program dan perkhidmatan yang diberikan sentiasa relevan menjurus kepada keperluan kumpulan sasaran *stakeholders*.

Saya percaya komitmen di bawah pelan strategik ini selari dengan perancangan di peringkat nasional seperti mana dalam dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Secara umum, RMK-12 mengandungi tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan.

Perancangan program melibatkan kumpulan sasaran Kementerian secara khusus diletakkan dalam Pemacu ke 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif menerusi Bidang Keutamaan F: Memperkasa Kumpulan Sasaran Khusus. LPPKN memainkan peranan besar dalam Strategi F6: Memperkukuh Institusi Keluarga. Bagi membina institusi keluarga yang kukuh, program pendidikan pra perkahwinan dan kemahiran keibubapaan akan dirangka semula dengan memanfaatkan platform digital dan lebih relevan kepada isu dan cabaran semasa. Isu keseimbangan antara kehidupan dan kerjaya, kesihatan reproduktif, literasi kewangan dan keibubapaan digital antara perkara yang disentuh dalam dokumen RMK-12 dan program serta inisiatif menangani isu tersebut telah juga diambil kira dalam perancangan jangka panjang PSL21-25. Saya berharap inisiatif yang dimasukkan dalam pelan dan tindakan akan dipantau serta dinilai agar impak pelaksanaannya mencapai objektif yang digariskan yang seterusnya akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada kakitangan LPPKN dan semua pihak yang terlibat menyumbang idea dan kepakaran menghasilkan pelan strategik yang begitu komprehensif. Semoga dokumen ini akan menjadi rujukan utama memandu LPPKN memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Terima kasih.

**DR. MAZIAH CHE YUSSOF**

# PERUTUSAN

PENGERUSI LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN  
KELUARGA NEGARA



BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH DAN SALAM KEKELUARGAAN

Alhamdulillah dan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan limpah rahmatNya, LPPKN dapat menghasilkan Pelan Strategik untuk tahun 2021 sehingga 2025. Tahniah diucapkan kepada LPPKN kerana berjaya menghasilkan dokumen komprehensif yang mengandungi pelan jangka pendek dan jangka panjang organisasi untuk lima tahun yang akan datang.

Sebagai Pengerusi LPPKN, saya berharap Pelan Strategik ini akan menjadi panduan kepada seluruh warga kerja LPPKN dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat. Pelan Strategik ini menggariskan hala tuju dan teras strategik yang baru dan menyeluruh selaras isu dan perubahan semasa khususnya ketika masyarakat berhadapan norma baharu pasca pandemik COVID-19.

Perkembangan teknologi dan norma baharu menuntut komitmen dan penglibatan warga kerja LPPKN supaya bergerak seiring dalam memastikan perkhidmatan yang disediakan dimanfaatkan oleh kumpulan sasar. Budaya kerja yang cekap, pantas dan efisien serta peka kepada perubahan dan isu semasa merupakan antara pemangkin kepada kejayaan setiap pelan tindakan yang digariskan di dalam pelan strategik ini.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pengarah, warga kerja LPPKN dan pihak luar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung meluangkan masa serta menyumbang idea untuk menghasilkan Pelan Strategik ini.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

**DATO' MOHD NIZAR HAJI ZAKARIA**

# PERUTUSAN

## KETUA PENGARAH LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA



BISMILLAH HIR RAHMAN NIR RAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI  
WABARAKATUH DAN SALAM KEKELUARGAAN


Alhamdulillah, segala kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kita berjaya menghasilkan Pelan Strategik LPPKN bagi tempoh 2021 – 2025. Pelan Strategik ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan utama yang menetapkan hala tuju LPPKN dalam tempoh 5 tahun akan datang.

Saya percaya menerusi penetapan fokus hala tuju LPPKN 2021-2025 sebagai peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi pengukuhan peranan menasihati kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasaan dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia akan menjadi pemangkin kepada LPPKN dalam agenda memperkasakan keluarga di negara ini.

Pelan strategik ini mengandungi empat teras strategik yang akan diterjemahkan melalui beberapa langkah strategi dan inisiatif pemboleh daya yang menyokong kepada pelaksanaan pelan tindakan. Empat teras strategik tersebut adalah :

- Teras 1 : Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam perancangan pembangunan
- Teras 2 : Memperkukuhkan institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan ke arah melahirkan generasi keluarga yang berkualiti dan berperibadi mulia
- Teras 3 : Memperluas aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar
- Teras 4 : Memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan

Setiap strategi dan inisiatif di bawah teras strategik ini telah diteliti secara terperinci dan menyeluruh bagi memastikan ia relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pelanggan. LPPKN memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan menerusi penerokaan bidang baharu dalam teknologi maklumat, peluang untuk penjana pendapatan dan juga elemen penguatkuasaan dalam bidang teras LPPKN.



Inisiatif yang digariskan dalam Pelan Tindakan PSL ini juga diselaraskan dengan dasar kerajaan yang berkuatkuasa seperti WKB 2030, RMK-12, Perancangan *Outcome Based Budgeting* (OBB) serta konsep Keluarga Malaysia yang diperkenalkan. Harapan saya agar pelan strategik ini dijadikan rujukan penting kepada warga LPPKN untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dan sudah pasti mendukung visi baru LPPKN sebagai peneraju kesejahteraan keluarga.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyumbang idea dan kepakaran bagi menghasilkan pelan strategik ini.

Sekian, Wassalam.

**ABDUL SHUKUR ABDULLAH**

# RINGKASAN EKSEKUTIF

LPPKN telah ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 sebagai peneraju dalam bidang pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia di Malaysia dan pada tahun 2021 adalah sambutan ulang tahun LPPKN yang ke-55. Sepanjang lebih lima dekad penubuhannya, LPPKN telah mendepani beberapa perubahan struktur organisasi namun agensi ini tetap teguh memikul mandat dan tanggungjawab dalam memperkukuhkan institusi keluarga bagi melahirkan penduduk Malaysia yang berkualiti dalam mengharungi era perubahan serta cabaran semasa. Pelbagai kajian, program dan perkhidmatan berimpak tinggi telah diperkenalkan dan sedang/akan dilaksanakan dari tahun ke tahun dengan tujuan memastikan kesejahteraan penduduk Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan sosioekonomi. Program-program *flagship* LPPKN seperti *Family and Community Empowerment Programme* (FACE), Mamacare dan KafeTEEN berjaya mendapat pengiktirafan orang awam dalam menangani masalah sosial dalam kalangan kumpulan bersasar di peringkat komuniti, sekali gus memartabatkan LPPKN sebagai peneraju kekeluargaan dan kependudukan.

LPPKN perlu terus inovatif dalam membangunkan program berimpak tinggi terutamanya dalam usaha menstabilkan institusi perkahwinan yang semakin rapuh di samping jati diri remaja yang semakin terhakis. Lima tahun seterusnya juga akan menjadi lebih mencabar untuk LPPKN. Agensi ini berperanan besar dalam pembangunan dan kesejahteraan negara di dalam pasca pandemik COVID-19. Tanggungjawab LPPKN bukan sahaja tertumpu kepada isu-isu sosial dan trend kependudukan yang sedia ada, tetapi ia juga perlu responsif kepada perubahan serta jangkaan yang disebabkan oleh pandemik ini. Keluarga masa kini perlu berhadapan dengan era teknologi digital yang disruptif serta situasi Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) yang turut memberi kesan kepada hubungan keluarga, kesihatan mental dan penggunaan internet yang tidak terkawal.

Di samping anjakan paradigma Keluarga Digital, Malaysia juga bakal melihat peningkatan Keluarga Sandwic dan Generasi Boomerang. Ini adalah impak daripada permasalahan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Tambahan pula, faktor seperti trend penduduk menua, trend melewati perkahwinan di kalangan penduduk muda dan penurunan kadar kesuburan yang sangat pantas. Memandangkan LPPKN merupakan badan berkanun kerajaan, cabaran organisasi dan jangkaan yang dipertanggungjawabkan perlu diimbangi sebaik mungkin. Rancangan jangka masa panjang untuk menjadi organisasi mampan tanpa bergantung sepenuhnya kepada kerajaan perlu dimulakan daripada sekarang.

Oleh itu, bagi menempuh cabaran-cabaran ini, Pelan Strategik LPPKN 2021 – 2025 (PSL21-25) telah dibangunkan untuk merangka langkah-langkah strategik serta program-program yang perlu dilaksanakan LPPKN dalam masa lima tahun akan datang. Sebagai satu organisasi, hala tuju lima tahun LPPKN adalah untuk menjadi peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi peranan menasihati kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasaan dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia. Matlamat ini akan dicapai melalui empat teras strategik utama iaitu:

- Teras 1: Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam perancangan pembangunan
- Teras 2: Memperkukuhkan institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan ke arah melahirkan generasi keluarga yang berkualiti dan berperibadi mulia
- Teras 3: Memperluas aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar
- Teras 4: Memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan

Selain itu, untuk memastikan kelancaran pelaksanaan keempat-empat teras ini, lima pemboleh daya yang berpaksikan cabaran organisasi perlu diseiringkan:

- Pemboleh Daya 1: Pendigitalan perkhidmatan LPPKN
- Pemboleh Daya 2: Kualiti dan kapasiti sumber manusia
- Pemboleh Daya 3: Penjenamaan dan penyebaran maklumat
- Pemboleh Daya 4: Rangkaian kerjasama strategik
- Pemboleh Daya 5: Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan


Pelan pelaksanaan yang terdapat dalam dokumen ini merupakan rujukan awal dan perlu dikemas kini setiap tahun untuk mencerminkan keperluan dan cabaran pelaksanaan semasa. Berbeza dengan pelan-pelan strategik sebelum ini, satu struktur governan pelaksanaan PSL21-25 turut diperincikan dengan menambah baik mekanisme sedia ada demi memastikan kebolehlaksanaan pelan dan pemantauan prestasi berterusan. Di samping amalan-amalan baharu ini, kejayaan PSL21-25 juga sebenarnya bergantung kepada komitmen organisasi daripada sudut kewangan dan sumber manusia terhadap pelaksanaan program-program di bawah PSL21-25. LPPKN perlu kekal fokus dengan memberi keutamaan kepada program-program di bawah PSL21-25 agar hala tuju yang diaspirasikan dapat dicapai dan cabaran yang perlu ditempuh dapat ditangani dengan berkesan.

# LATAR BELAKANG LPPKN




Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, (LPPKN) telah ditubuhkan di bawah Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 [Akta 352] dan diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga Malaysia (KPWKM) pada tahun 2001. LPPKN merupakan agensi utama dalam bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Fungsi utama LPPKN adalah menasihati Kerajaan mengenai perkara-perkara berkaitan dasar dan program kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia. Selaras dengan bidang utama LPPKN, tanggungjawab LPPKN adalah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti, menyebarkan pengetahuan dan memberi pendidikan dan memberi latihan berterusan kepada jurulatih berkaitan serta menjalankan kajian, penyelidikan dan aktiviti pembangunan.

## Visi dan Misi




# Struktur Organisasi LPPKN



# Sejarah Penubuhan dan Evolusi LPPKN

Pada awal penubuhannya sebagai Lembaga Perancang Keluarga Negara (LPKN) pada 10 Jun 1966 menerusi Akta Perancang Keluarga 1966, LPKN diberi tanggungjawab sebagai agensi pelaksana program dan aktiviti perancangan keluarga di negara ini. Sejaran dengan keperluan semasa, akta tersebut telah melalui beberapa pindaan. Secara tidak langsung, LPPKN telah melalui beberapa perubahan daripada segi fungsi, mandat dan kepentingan sepanjang 55 tahun penubuhannya.

Penubuhan LPKN di bawah Akta Perancang Keluarga 1966 untuk melaksanakan program dan aktiviti perancangan keluarga di Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri



Kini, dengan visi baru sebagai Peneraju Kesejahteraan Keluarga, LPPKN tidak mungkin menoleh ke belakang lagi. Ikrar untuk memacu agenda kependudukan, perkahwinan dan kekeluargaan melalui penyelidikan, perkhidmatan dan program pembangunan keluarga yang inovatif ke arah kemakmuran bersama akan terus menjadi misi organisasi.

# Mandat dan Fungsi

LPPKN diberi mandat dan tanggungjawab untuk mengukuhkan institusi keluarga bagi melahirkan penduduk Malaysia yang berkualiti berdasarkan tiga bidang utama – Kependudukan, Pembangunan Keluarga dan Reproduksi Manusia.

## HUBUNG KAIT ANTARA TIGA BIDANG UTAMA



# Dasar dan Punca Kuasa

LPPKN terlibat dalam pelaksanaan dasar dan komitmen yang pelbagai dan empat daripadanya adalah dasar berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif. Wawasan Kemakmuran Bersama, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2021-2025 menjadi asas dalam pembentukan Pelan Strategik LPPKN 2021-2025.

## 3

### Agenda Nasional



#### WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA


Menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia pada tahun 2030

Modal sosial : Indeks Kesejahteraan Keluarga



#### RANCANGAN MALAYSIA KE-12

Bab 5 : Menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif  
Bidang keutamaan F : Memperkasa kumpulan sasar khusus.  
Strategi F6 : Memperkukuh institusi keluarga



#### SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Rangka tindakan global untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan lestari untuk semua



### DASAR KELUARGA NEGARA (DKN)

LPPKN adalah pemacu utama DKN

Pelan Tindakan Dasar Keluarga Negara (PTDKN) yang diperincikan menyokong dasar-dasar sedia ada serta komitmen antarabangsa Malaysia dalam agenda kanak-kanak dan wanita melibatkan 40 agensi pelaksana



### DASAR DAN PELAN TINDAKAN PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL KEBANGSAAN (PEKERTI)

LPPKN adalah pelaksana program PEKERTI di Pusat Remaja KafeTEEN, PLKN dan sekolah

Modul pelaksanaan dibangunkan oleh LPPKN bersama Federal of Reproductive Health Associations Malaysia (FRHAM) dan Women's Centre for Change (WCC)



### POLISI PERANCANG KELUARGA

LPPKN bertindak sebagai pemain utama dalam perkhidmatan Perancang Keluarga yang dikendalikan pelbagai sektor antara agensi-agensi pelaksana



## DASAR KEPENDUDUKAN MALAYSIA KE ARAH 70 JUTA PENDUDUK

LPPKN telah menilai semula dasar ini untuk menggambarkan situasi sebenar kependudukan Malaysia pada tahun 2017

Satu Dasar Kependudukan akan dibangunkan, selari dengan matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals (SDG)) dan keperluan negara

## 12

### Dasar dan Komitmen Lain Yang Melibatkan LPPKN



**Pelan Tindakan  
Pemeriksaan Ibu Tunggal**



**Dasar Warga Emas  
Negara**



**Dasar Wanita  
Negara**



**Pelan Strategik KPWK  
2021- 2025**



**Pelan Tindakan Orang  
Kurang Upaya (OKU)**



**Pelan Strategi Kebangsaan  
Bagi Menangani Punca  
Perkahwinan Bawah Umur**



**Dasar Komuniti  
Negara**



**National Adolescent  
Health Plan of Action**



**Dasar Belia Malaysia**



**Dasar dan Pelan Tindakan  
Kanak-Kanak Negara**



**Dasar Sosial  
Negara**



**Pelan Tindakan  
Sosial Islam (PTSI)**

## Komitmen Antarabangsa




- Keahlian LPPKN sebagai anggota tetap dalam United Nations Commission on Population and Development (UNCPD)
- Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals 2030)
- Kerjasama dengan UNFPA bagi merangka dan melaksanakan inisiatif di bawah Country Programme Action Plan (CPAP) 2021-2025, seiring dengan pelan rangka kerja United Nations Sustainable Development Cooperation Framework (UNSDCF)
- Komitmen yang dibuat oleh Malaysia pada Sidang Kemuncak Nairobi (2019) dan Cairo (1994)
- LPPKN dilantik sebagai High Advisory Board Union of NGOs in The Islamic World (UNIW-IDSB) yang berpusat di Turki



- Country Programme Action Plan (CPAP) UNICEF – KPWK 2021 turut melibatkan agensi berkaitan yang memfokuskan pembangunan, perlindungan dan kebajikan kanak-kanak
- LPPKN dipertanggungjawabkan sebagai Lead Gov Agency & Key Gov Partners untuk aktiviti di bawah bidang tematik berkaitan Response Plan On Action, Parenting Support and Strengthen Social Protection Mechanism
- Kolaborasi bersama Badan Kependudukan dan Keluarga Berencana Nasional (BKKBN), Indonesia bagi projek-projek khas mengenai kesihatan reproduktif


# Pencapaian dan Kemajuan LPPKN (2016 - 2020)



# HALA TUJU PELAN STRATEGIK LPPKN (PSL) 2021 - 2025

## Analisis Persekitaran dan Cabaran

Lima tahun seterusnya akan menjadi lebih mencabar untuk LPPKN. Agensi ini berperanan besar dalam pembangunan dan kesejahteraan negara pasca pandemik COVID-19.



Sumber: Analisa Pasukan PSL21-25

Impak COVID-19 terhadap keluarga dan penduduk Malaysia adalah tambahan dari trend sedia ada yang telah dikenal pasti dan perlu ditangani LPPKN. Misalnya, Malaysia kini di ambang era penduduk menua rentetan trend melewati perkahwinan dalam kalangan penduduk muda dan penurunan kadar kesuburan yang pantas.

1



### Era Penduduk Menua Menjelang 2030

15% (5.8 juta) penduduk berusia 60 tahun ke atas pada tahun 2030. Jangka hayat penduduk akan semakin panjang, saiz keluarga semakin mengecil

5



### Kadar kesuburan menurun dengan pantas

Kadar kesuburan secara keseluruhan atau *Total Fertility Rate* (TFR) Malaysia dijangka akan terus menurun daripada 1.8 (2019) kepada 1.7 (2030)

2



### Nilai kekeluargaan dan jati diri remaja semakin terhakis

Peningkatan kadar kehamilan remaja, salah laku seksual, penggunaan dadah dan buli siber

6



### Era teknologi digital dan media convergence

Dipercepatkan oleh pandemik COVID-19 dengan teknologi digital yang disruptif serta situasi Bekerja Dari Rumah (BDR) dan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)

3



### Kestabilan Institusi Perkahwinan Semakin Tergugat

Kadar Perceraian Kasar 2019 mencatatkan 1.8 kes perceraian bagi setiap 1,000 orang penduduk dan dijangka akan terus meningkat

7



### Kesan pasca pandemik COVID-19 ke atas keluarga

Situasi ekonomi dan sosial yang terjejas memberi kesan kepada kesihatan mental dan kestabilan keluarga

4



### Penyelarasan pendidikan dan perkhidmatan kesihatan reproduktif

Kadar penggunaan kontraseptif yang rendah berbanding negara maju. Kadar *unmet needs* yang tinggi serta ketiadaan Pendidikan Seksualiti yang selaras

8



### Era Generasi Millenium

Generasi millenium mempunyai set nilai berbeza dengan generasi X berkaitan kekeluargaan

# Kerangka Strategik

| Agenda Kemakmuran Bersama 2030 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|--------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Agenda Nasional                | Rancangan Malaysia Ke-12   Pelan Strategik KPWKM   Dasar Keluarga Negara   Dasar Kependudukan Negara   Sustainable Development Goals   18 Dasar Kerajaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| Hala Tuju                      | Peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi pengukuhan peranan penasihat kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasa dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| Teras Strategik                | Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam perancangan pembangunan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       | Memperkuatkan institusi keluarga yang sejahtera dan berdaya tahan ke arah melahirkan generasi keluarga yang berkualiti dan berperibadi mulia                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Memperluas aksesibiliti khidmat sokongan keluarga untuk memenuhi keperluan keluarga bersasar                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | Memantapkan tadbir urus organisasi untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| Langkah Strategik              | <div></div> <div><ol style="list-style-type: none"><li>1. Mempertingkatkan penyelidikan dan pemantauan trend aliran kependudukan negara</li><li>2. Memperluas penyebaran kajian melalui penyertaan dalam persidangan serta penerbitan jurnal berkredibiliti di peringkat dalam dan luar negara</li><li>3. Menambah baik pemantauan tahap kesejahteraan keluarga menerusi penambahbaikan berterusan pengukuran Indeks Kesejahteraan Keluarga</li><li>4. Memperkasa Penyelidikan dan Pembangunan (RnD) menerusi penyediaan geran penyelidikan LPPKN</li><li>5. Memperkuatkan peranan sebagai agensi rujukan utama kerajaan dalam bidang kependudukan dan kekeluargaan</li><li>6. Menerajui agenda kependudukan dan pembangunan ke arah negara tua menjelang 2030</li></ol></div> | <div></div> <div><ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengukuhkan institusi perkahwinan menerusi kursus persediaan perkahwinan secara wajib kepada pasangan bukan Islam</li><li>2. Membangunkan pendigitalan modul latihan dan pendidikan kekeluargaan yang terkini</li><li>3. Merekayasa sistem akreditasi latihan dan modul berkaitan keibubapaan dan kekeluargaan</li><li>4. Menambah baik mekanisme dan keberkesanan pelaksanaan program kekeluargaan LPPKN</li><li>5. Membangunkan sistem sokongan khas bagi melindungi kestabilan dan kesejahteraan institusi perkahwinan</li><li>6. Memperkasa kaunseling perkahwinan dan keluarga ke arah kesejahteraan keluarga</li><li>7. Memastikan pelaksanaan hala tuju Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan Kaunseling Perkahwinan, Perceraian dan Keluarga</li></ol></div> | <div></div> <div><ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengukuhkan program advokasi berkaitan perancang keluarga bagi memenuhi keperluan keluarga yang terpinggir</li><li>2. Meningkatkan advokasi dan khidmat sokongan berkaitan saringan kesihatan reproduktif wanita</li><li>3. Memperkuatkan kepakaran dan perkhidmatan Pusat Subfertiiliti LPPKN yang berkualiti ke arah pembangunan Pusat Kpakaran Subfertiiliti Kebangsaan</li><li>4. Menerajui agenda program Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) ke arah pembinaan generasi keluarga yang sejahtera</li><li>5. Memperkasakan Pusat Remaja KafeTEEN sebagai peneraju kecemerlangan dan kelestarian pembangunan remaja</li></ol></div> | <div></div> <div><ol style="list-style-type: none"><li>1. Menambah baik tadbir urus dan memastikan penjanaan pendapatan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan</li><li>2. Merasionalisasi dan mengkomersialkan hartanah LPPKN</li><li>3. Memantapkan akta dan perundangan bagi meningkatkan peranan baharu dan penjanaan pendapatan ke arah mengurangkan kebergantungan kewangan kepada kerajaan</li><li>4. Memantapkan pengkomersialan produk LPPKN menerusi bidang niaga baharu anak syarikat LPPKN</li><li>5. Mewujudkan Dasar Pelaburan LPPKN yang komprehensif</li></ol></div> |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| Pemboleh Daya Strategik        | <div></div> <div><b>Pendigitalan perkhidmatan LPPKN</b><ol style="list-style-type: none"><li>1. Mendigitalkan perkhidmatan LPPKN agar lebih responsif kepada keperluan masa kini dan perubahan era IR4.0</li><li>2. Membudayakan persekitaran ICT di LPPKN</li><li>3. Menginstitusikan pengurusan rekod secara digital</li><li>4. Mengukuhkan Infrastruktur ICT</li><li>5. Mewujudkan pangkalan data yang dinamik dan terbuka (<i>Open Data</i>) dengan kemampuan menyokong Data Raya (<i>Big Data</i>)</li></ol></div>                                                                                                                                                                                                                                                      | <div></div> <div><b>Kualiti dan kapasiti sumber manusia</b><ol style="list-style-type: none"><li>1. Memperkuatkan Sumber Manusia dan Struktur Organisasi LPPKN</li><li>2. Membangunkan dan melaksanakan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia LPPKN yang selaras dengan PSL21-25</li><li>3. Membangunkan dan melaksanakan Pelan Penggantian</li><li>4. Membangunkan dan melantik tenaga kerja yang mempunyai bidang kepakaran yang diperlukan oleh LPPKN</li><li>5. Mempertingkatkan prestasi anggota LPPKN</li><li>6. Menambah baik Kaedah Penilaian Pengambilan Anggota LPPKN Secara Dalam Talian</li><li>7. Memperkuatkan budaya korporat LPPKN</li></ol></div>                                                                                                                                                  | <div></div> <div><b>Penjenamaan dan penyebaran maklumat</b><ol style="list-style-type: none"><li>1. Memantapkan pelan media LPPKN</li><li>2. Mewujudkan <i>response mechanism</i> untuk mempercepatkan maklum balas LPPKN terhadap isu-isu kependudukan dan kekeluargaan</li><li>3. Memperluas komunikasi LPPKN di media baharu</li><li>4. Mempertingkatkan kesedaran dan penerimaan Bulan Keluarga</li><li>5. Menganjurkan aktiviti untuk menyebarkan hasil penyelidikan LPPKN kepada pihak berkepentingan dan orang awam</li></ol></div>                                                                                                                                                                                 | <div></div> <div><b>Rangkaian kerjasama strategik</b><ol style="list-style-type: none"><li>1. Memperkuatkan kolaborasi strategik dan mengenal pasti sumber dana bagi pelaksanaan program dan perkhidmatan LPPKN</li><li>2. Memperluas jangkauan program komuniti LPPKN</li></ol></div>                                                                                                                                                                                                                                                                                              | <div></div> <div><b>Mekanisme pelaksanaan dan pemantauan</b><ol style="list-style-type: none"><li>1. Memperkuatkan kebolehan pemantauan dan penyelarasan LPPKN</li><li>2. Membangunkan mekanisme pendekatan mesra keluarga</li></ol></div> |

# Teras Strategik dan Pemboleh Daya

Pelan Strategik 2021-2025 menggariskan empat Teras Strategik yang akan menjadi fokus utama LPPKN dalam memperkukuhkan peranannya sebagai peneraju dalam pembinaan keluarga Malaysia yang sejahtera menerusi peranan menasihati kerajaan, membangun program intervensi keluarga dan memantau pelaksanaan menerusi penguatkuasaan dalam bidang teras pembangunan keluarga, kependudukan dan reproduksi manusia. Strategi-strategi ini akan disokong oleh lima Pemboleh Daya untuk memastikan kelancaran pelaksanaan pelan tindakan agar aspirasi yang dihasratkan tercapai dengan lancar.



## TERAS 1

Mempertingkatkan pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam perancangan pembangunan



## TERAS 2
